



SIARAN MEDIA

GUF 2024 IKTIRAF USAHA DAN SOKONGAN MEMBANGUNKAN AGENDA PERSEKITARAN MAMPAN

SHAH ALAM, 26 Mei 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Forum Perbandaran Hijau (*Green Urban Forum - GUF*) 2024 dan Majlis Penyampaian Hadiah & Sijil Penghargaan sempena Hari Landskap Negara 2024 bertempat di Bangunan Ibu Pejabat PKNS pada pagi ini. Dalam majlis tersebut, beliau telah menyampaikan sebanyak 47 anugerah, hadiah dan sijil penghargaan kepada para penerima anugerah, pemenang pertandingan dan juga rakan strategik yang terlibat dalam memeriahkan sambutan HLN 2024.

Bertemakan “**Persekitaran Mampan melalui Penghijauan Bandar**”, Forum Perbandaran Hijau (*Green Urban Forum*) - GUF 2024 pada tahun ini dilihat seiring dengan usaha negara untuk mewujudkan lebih banyak kawasan hijau, meningkatkan estetika bandar serta mengurangkan impak perubahan iklim menerusi program penghijauan bandar. GUF 2024 merupakan platform dialog untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuan serta menyuntik idea-idea berkenaan inisiatif perbandaran hijau negara khususnya berkaitan pembangunan landskap. Selain itu, ia turut menjadi platform untuk menerapkan nilai dan amalan pengurusan landskap terbaik seterusnya menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan.

Pelbagai topik berkaitan usaha penghijauan bandar telah dibincangkan dalam GUF 2024. Ia termasuk kesesuaian spesies, kaedah penanaman pokok-pokok di kawasan bandar dan tepi jalan, aspek keselamatan dan keperluan pemantauan secara berterusan. Perkongsian ilmu ini membantu merealisasikan pembangunan perbandaran yang hijau selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan.

YB KM berkata, “Penanaman pokok di tepi jalan mempunyai cabaran yang tersendiri seperti isu penyelenggaraan dan keselamatan terutamanya melibatkan pokok-pokok besar yang berisiko untuk tumbang apabila dilanda cuaca buruk. Usaha penghijauan bandar juga dapat membantu negara mencapai objektif bandar rendah karbon, meningkatkan biodiversiti dan daya huni bandar di samping meningkatkan kesejahteraan hidup penghuni bandar.”

Barisan sidang panel terdiri daripada wakil Jabatan Landskap Negara, Jabatan Kerja Raya, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Persatuan Arborist Malaysia dan wakil Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) bertindak sebagai moderator. Seramai lebih kurang 200 peserta yang terdiri daripada agensi Persekutuan, wakil-wakil Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan seluruh negara, pemain industri dan ahli akademik berkaitan bidang pembangunan landskap telah hadir dalam forum tersebut.

Anugerah Rosa-sinensis merupakan Anugerah Utama yang telah disampaikan kepada 3 penerima yang telah mendapat penarafan 5 Rosa-sinensis yang membawa pulang trofi dan juga Sijil Penarafan. Anugerah ini merupakan satu inisiatif penarafan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) kepada taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangunkan dan diurus secara komprehensif bagi memenuhi fungsi pembangunannya.

Anugerah ini diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan persekutuan dan negeri serta pihak swasta yang telah menunjukkan komitmen berterusan untuk memastikan taman awam dan kawasan hijau yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada komuniti, alam sekitar perbandaran dan biodiversiti bandar.

YB KM turut menyampaikan Anugerah Landskap yang terbahagi kepada 3 kategori iaitu Kategori Sekolah, Hotel & Resort serta Kampung Baharu. Pemenang telah membawa pulang wang tunai berjumlah RM 10,000, trofi dan juga Sijil Penghargaan bagi setiap kategori. Anugerah ini merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada usaha-usaha yang telah dimainkan oleh pihak-pihak berkenaan untuk memartabatkan kepentingan landskap di kawasan premis mereka bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk kesejahteraan kehidupan.

Selain itu, majlis ini juga turut meraikan pemenang-pemenang pertandingan yang telah dijalankan bersempena sambutan HLN 2024. Antara kategori pertandingan yang telah

dipertandingkan adalah Photojournalism, Pertandingan Seni Reka Arca dan Pertandingan Mural terbuka kepada pelajar IPTA/IPTS di seluruh negara. Turut dipertandingkan adalah pertandingan yang melibatkan penggiat industri seperti Pertandingan Booth Terbaik Industri kategori Landskap Lembut & Landskap Kejur. Kategori seterusnya yang menjadi rebutan adalah Pertandingan Laman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang disertai oleh PBT-PBT dari seluruh negeri Selangor. Manakala dua PBT jemputan iaitu pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya menerima anugerah khas sebagai tanda penghargaan di atas sokongan penyertaan mereka dalam sambutan HLN 2024.

Sambutan HLN 2024 telah mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak yang menjadi tulang belakang kepada kejayaannya. Majlis ini turut diadakan bagi meraikan sumbangan dan sokongan yang telah diberikan dalam memastikan sambutan HLN 2024 berjalan dengan sempurna. Mendahului penerima sijil penghargaan adalah pihak MBSA yang merupakan Penganjur Bersama HLN 2024 serta rakan-rakan strategik lain yang turut sama terlibat dalam majlis penuh bersejarah ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Bin Taib; Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Dan Persekitaran Mampan) KPKT, YBhg. Datuk Saidatu Akhma Binti Hassan; Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Tuan Mansor bin Mohamad; Datuk Bandar MBSA, Tuan Ir. Cheremi bin Tarman serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan juga barisan pegawai-pegawai JLN dan MBSA.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#UnityInDiversity

#DemiPertawi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

